

Kerajaan sedang teliti perkembangan

Pinjaman perumahan: Bank2 diberi amaran

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Abdul Razak memberi amaran, kerajaan akan mengarahkan Bank Negara mengambil semua peruntukan pinjaman perumahan di bank-bank sekiranya mereka berdegil tidak mahu menghabiskannya sehingga akhir tahun ini.

"Kerajaan sedang meneliti perkembangan bank-bank yang telah disenaraikan tidak mematuhi arahan Bank Negara," katanya kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian pinjaman sindiket bernilai AS\$700 juta yang diuruskan oleh Bank Bumiputera di sini hari ini.

Datuk Najib berkata, bank-bank itu diberi tempoh hingga 31 Disember ini untuk menghabiskan peruntukan pinjaman perumahan yang ada.

Jumlah peruntukan

"Bank Negara akan dirah mengambil semua peruntukan itu dengan faedah 4 peratus dan kemudian dibahagikan kepada bank-bank lain," katanya.

Menurut Datuk Najib, kira-kira 22 buah bank didapati tidak mematuhi arahan Bank Negara mengenai pinjaman perumahan beberapa bulan lalu.

Beliau bagaimanapun tidak memberitahu peratus atau jumlah peruntukan yang masih belum dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan.

Katanya, beliau akan mengumumkan kedudukan perkara itu dan nama-nama bank yang terlibat setelah tempoh yang diberikan berakhir hujung tahun ini.

Mengenai kegiatan bank-bank perdagangan yang berlumba-lumba menarik simpanan tetap dari orang ramai dengan tawaran kadar faedah yang tinggi, Datuk Najib berkata, perkara itu timbul disebabkan wujudnya persaingan pasaran sektor bank di negara ini.

"Ia juga disebabkan permintaan bagi pinjaman telah menurun sepanjang tahun ini," jelasnya.

Beliau menyeru bank-bank supaya lebih banyak memberi pinjaman kepada kegunaan yang lebih produktif.

Harga bijih timah

Di pihak kerajaan, katanya, tiada sebarang perubahan dasar mengenai pinjaman seperti yang diumumkan dalam belanjawan negara 1982 baru-baru ini.

Menurut Datuk Najib, langkah kerajaan mendapatkan bantuan pinjaman luar adalah semata-mata disebabkan keperluan yang bertambah dalam menayakan Rancangan Malaysia Keempat.

"Adalah tidak benar tuduhan kononnya kerajaan menghadapi masalah kewangan. Kerajaan mampu mengatasi masalah susutan imbang pembayaran yang dijangka tahun depan."

Ekonomi dunia, tambahnya diduga pulih dalam masa yang singkat tahun depan dan kedudukan nisbah hutang negara hanya 4% tahun depan ialah yang terendah sekali di dunia.

Lagipun, tambahnya lagi, harga bijih timah dan bahan-bahan petroleum negara, kecuali getah mulai bertambah mantap.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia